

## Pelajar UMS kongsi pengalaman

**KOTA KINABALU:** Seramai 13 pelajar tahun akhir dalam Jurusan Akuakultur, Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkongsi pengalaman mereka ketika berada di Jepun, kelmarin dalam satu seminar yang diadakan di dewan galeri UMS.

Mereka berada di Jepun selama 11 minggu bermula pada 11 Mac hingga 29 Mei lalu.

Mereka berkongsi pengalaman dalam seminar tersebut yang dihadiri oleh Naib Canselor UMS, Tan Sri Professor Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman dan Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (BMRI), Professor Dr. Ridzwan

Abd. Rahman.

Ridzwan berkata, kesemua pelajar yang bakal menjadi graduan UMS ini dimestikan untuk mengikuti latihan industri dalam organisasi bukan kerajaan ataupun kerajaan di luar kampus sebagai persediaan untuk memperolehi sarjana muda mereka.

"Objektif utama program latihan industri ini adalah untuk memberi pengalaman bekerja kepada pelajar-pelajar tersebut," katanya.

Katanya, pada tahun ini pelajar-pelajar berkenaan telah diberi kesempatan untuk menjalankan latihan industri mereka dengan Shirahama dan Uragami Fisheries

Laboratories di Kinki University Jepun.

Mereka juga diberi pengalaman di dua pusat ladang akuakultur yang dikenali sebagai Kansai Bussan dan Yoshikawa Suisan, katanya lagi.

Beliau berkata, sebelum mereka berlepas ke Jepun, pelajar itu diberi latihan di UMS Kinarut dan 'Sepanggar Hatcheries'.

"Pensyarah Jepun dan kakitangan BMRI yang arif dalam bahasa dan budaya Jepun juga memberi tunjuk ajar tentang bahasa Jepun kepada pelajar sebagai bekalan mereka di Jepun," Kata Ridzwan lagi.